

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 19 Jun 2017 12:00
To: UUM - All Staff
Subject: IPQ DAN SOIS BEKERJSAMA DALAM MEMANTAPKAN AUN-QA SELF ASSESSMENT REPORT (SAR)



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia

19 JUN 2017/ 25 RAMADAN 1438H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

IPQ DAN SOIS BEKERJSAMA DALAM MEMANTAPKAN AUN-QA SELF-ASSESSMENT REPORT (SAR)



IPQ ONLINE: Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) sekali lagi telah menganjurkan Bengkel Penyelarasan Persijilan Semula AUN-QA (Siri 2) pada 18 Jun 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, SOIS. Bengkel ini bertujuan untuk memantap dan memperkemas lagi Self-Assessment Report (SAR) bagi program Ijazah Sarjana Muda Hal Ehwal Antarabangsa Dengan Kepujian yang akan menghadapi Audit Semula AUN-QA pada bulan Mac 2018. Selain itu, bengkel ini turut memberi pendedahan kepada lima lagi program yang telah memperolehi Persijilan AUN-QA untuk bersedia daripada sekarang dalam menyediakan laporan SAR bagi menghadapi Audit Persijilan Semula AUN-QA.

Bengkel tersebut telah dikendalikan oleh Prof. Madya Dr. Sany Sanuri Mohd Mokhtar dari Pusat Pengajian Perniagaan yang juga merupakan salah seorang *Lead Assessors* AUN-QA dari Malaysia. Beliau turut berkongsi pengalaman dan panduan berkenaan penulisan SAR mengikut perubahan terkini *Guideline to AUN-QA Assessment at Programme Level Version 3.0*. Perbincangan dua hala turut diadakan bagi mencari kaedah terbaik dalam menghasilkan laporan SAR yang berkualiti.

IPQ berharap agar pendedahan dan latihan yang diberikan ini akan membantu Ahli Jawatankuasa AUN-QA SOIS dan wakil daripada 5 Pusat Pengajian yang telah memperolehi Persijilan AUN-QA yang terdiri daripada pusat pengajian SOG, SEFB, SQS dan SAPSP ini akan dapat membakar semangat untuk membuat persediaan rapi dalam menghadapi proses Audit Persijilan Semula ini. Akhir sekali, IPQ mengucapkan jutaan terima kasih atas kerjasama dan komitmen yang tinggi dari semua Ahli Jawatankuasa AUN-QA SOIS dan Ahli Tetap Jawatankuasa Pematatuhan AUN-QA.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.